

# Warisan senjata dalam Hikayat Melayu Lama

**A**LAM Melayu adalah antara pewaris kerajaan Islam. Walaupun saiz kerajaan Islam yang pernah wujud di wilayah ini sebelum abad ke-18 adalah kecil berbanding dengan saiz kerajaan Islam di luar alam Melayu, namun ia memperlihatkan satu kesinambungan pemerintahan Islam dengan identiti tersendiri iaitu Melayu.

Wilayah ini adalah kawasan yang dianugerahkan dengan pelbagai keistimewaan baik dari segi kedudukan geografi, laluan maritim dan sumber mineral. Perkembangan masyarakat tempatan dalam pembinaan Tamadun Melayu memperlihatkan kemajuan dari segi penciptaan peralatan seperti senjata dalam membantu mempertahankan wilayah daripada diceroboh oleh musuh.

Pernyataan senjata banyak digunakan dalam teks hikayat Melayu seperti Hikayat Hang Tuah, Hikayat Amir Hamzah, Hikayat Panji Kuda Semirang, Hikayat Merong Mahawangsa dan sebagainya. Dalam teks hikayat tersebut, sering menggunakan kata sifat gemerincing bagi menggambarkan situasi

## kesenian islam

Oleh **DR. ROS MAHWATI AHMAD ZAKARIA**  
Institut Alam dan Tamadun Melayu,  
Universiti Kebangsaan Malaysia.  
rosmahwati@ukm.edu.my

pertembungan senjata yang digunakan oleh hulubalang Melayu dalam sesebuah pertarungan mahupun keadaan medan perang.

### CING-CING!

Secara amnya, gemerincing merujuk kepada bunyi yang dihasilkan apabila senjata yang diperbuat daripada logam bertemu dalam hentakan yang kuat.

Senjata yang sinonim dengan bunyi gemerincing dalam masyarakat alam Melayu ialah seperti keris, panah, pedang dan parang. Kepelbagaian senjata yang terdapat di alam Melayu



boleh dikaitkan dengan beberapa faktor seperti kepandaian tempatan, perpindahan kemahiran dan perdagangan.

Ketiga-tiga faktor ini berkait rapat dengan anugerah yang disebutkan pada awal tadi di mana sumber alam yang dimiliki alam Melayu memungkinkan kesemua faktor tersebut terjadi.

Satu lagi jenis senjata yang banyak disebutkan dalam hikayat Melayu ialah bedil. Bedil merujuk kepada senjata yang menggunakan peluru.

Dalam Kitab Salasilah Melayu dan Bugis direkodkan penggunaan

senjata bedil seperti berikut:

"Maka azmatlah bunyi bahananya daripada bunyi meriam dan lela dan menggerutuplah bunyi senapang pemurasnya. Dan kelim-kabutlah asap bedilnya meriam lela itu. Dan ketika berperang berbedilan, bertembak-tembak itu, maka hari pun malam."

Manakala dalam sebuah lagi hikayat bertajuk Hikayat Banjar, dinyatakan beberapa nama yang menunjukkan jenis-jenis bedil digunakan oleh pemerintah Banjar ketika itu seperti badil, astenggar, rantaka, lila dan alkabas

(menggunakan ejaan yang sama seperti dalam Hikayat Banjar).

### PERTAHANAN NEGARA

Kerajaan Islam di alam Melayu turut menghantar delegasi ke negara asing bagi membeli dan mendapatkan senjata yang bagus untuk tujuan pertahanan kerajaan.

Ini diceritakan dalam Hikayat Hang Tuah di mana beliau sendiri diuruskan oleh Sultan Melaka untuk membeli meriam bagi tujuan pertahanan Melaka seperti

berikut:

"Dititahkan Sultan Melaka membawa surat dan bingkis tanda berkasih-kasihian antara Sultan Melaka dan Duli Sultan Rom, hendak membeli bedil yang besar-besar, kerana bedil besar adalah kekurangan sedikit dalam negeri Melaka itu."

Senjata bedil adalah senjata pertahanan dan serangan jarak jauh utama yang digunakan oleh semua kerajaan Melayu sebelum dan selepas kedatangan kuasa Barat ke alam Melayu. Ubat bedil ialah antara barangan dagangan utama dan ia dipasarkan dengan harga yang tinggi.

Dalam Hikayat Tanah Hitu yang berasal dari Ambon, dicatatkan seperti berikut:

"...Tellah sudah diraksikan kata demikian itu, lalu ia beli obat bedil empat balas bahara cengkeh harganya..."

Cengkeh adalah satu daripada barangan yang sangat bernilai tinggi di kawasan pelabuhan perdagangan terkenal alam Melayu. Hikayat Melayu banyak merekodkan maklumat tentang warisan senjata alam Melayu. Kenali dan hargai warisan Islam tempatan.

**Isu sekolah agama, pusat tahfiz dapat perhatian kerajaan**